

29 OCT 1999

Abdullah-Belanjawan

BELANJAWAN 2000 BERPANDANGAN JAUH, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyifatkan Belanjawan 2000 sebagai berpandangan jauh kerana ia meneruskan usaha pemulihan di samping mengembangkan lagi ekonomi negara untuk mencapai tahap lebih tinggi.

Timbalan Perdana Menteri berkata ia juga membuktikan kerajaan akan melakukan sesuatu untuk membantu segenap lapisan rakyat termasuk yang berpendapatan rendah apabila ia mempunyai kemampuan untuk berbuat begitu.

"Dengan belanjawan ini, diharap akan lahir kesedaran bahawa apabila kita mampu untuk membuat sesuatu bagi kebaikan mana-mana golongan dalam masyarakat daripada segi kedudukan ekonomi mereka, kita akan usahakan.

"Kalau kita gawat, kita tidak boleh buat," katanya kepada pemberita sebagai reaksi kepada pembentangan Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Abdullah berkata keputusan kerajaan memberikan bonus dan menaikkan gaji kakitangan awam merupakan penghargaan kepada sumbangan mereka.

"Kita akui kalau bukan kerana kegigihan pegawai dan kakitangan kerajaan kita tidak akan mencapai pemulihan ekonomi seperti yang dirasai sekarang," katanya.

Abdullah berkata: "Kalau kita lihat secara objektif dengan tidak membenarkan diri kita dipengaruhi oleh situasi kempen pilihan raya, belanjawan ini sebenarnya berpandangan ke hadapan untuk meneruskan pemulihan ekonomi dan mengembangkan lagi ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan lebih tinggi."

Katanya bukan menjadi tujuan kerajaan memberikan bonus dan menaikkan gaji kakitangannya untuk menyekat mereka daripada menentang kerajaan.

"Soal kita memberi bonus kepada mereka itu bukan soal kita hendak menutup mulut mereka yang menentang kita, bukan begitu. Pemberian ini ialah satu penghargaan kepada mereka," katanya.

Abdullah berkata pegawai kerajaan tidak boleh dilihat sebagai kumpulan yang menentang kerajaan kerana hakikatnya ialah hanya segelintir daripada mereka mempunyai sikap begitu.

"Oleh sebab tak lazim kita dengar pegawai kerajaan menentang kerajaan, suara-suara yang menentang itu begitu sekali menarik perhatian. Begitu juga dalam bidang pendidikan, bukan semua pensyarah dan pelajar menentang kita," kata beliau.

Abdullah berkata usaha memulihkan ekonomi berjaya dilaksanakan kerana pegawai kerajaan yakin dengan kemampuan dan komitmen kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengatasi masalah yang dihadapi negara.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, usaha kerajaan untuk mengembalikan kecergasan ekonomi negara turut dibantu dengan ketiadaan mogok kakitangan atas desakan Cuepacs.

"Kalau dikatakan semua pegawai kerajaan menentang kerajaan, mereka akan mogok, mereka akan bikin kacau, lagi kita jadi gawat dan kelam kabut.

"Cuepacs boleh mogok kalau mereka mahu...tapi mereka tak buat begitu. Ini menunjukkan masih ramai yang sokong, masih setia dan masih boleh memberikan khidmat yang baik," katanya.

Menyentuh usaha kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah, beliau berkata, menerusi Belanjawan 2000, mereka, antara lain, diberikan peluang menceburkan diri dalam perniagaan kecil.

Abdullah berkata, kerajaan turut memberikan penekanan kepada isu

perumahan kos rendah, pendidikan dan memberikan nafas baru terhadap sektor pertanian.

Beliau berharap golongan petani akan memanfaatkan segala bantuan yang diberikan dalam Belanjawan 2000.

Abdullah turut yakin bahawa dengan segala perancangan yang dibuat kerajaan, ekonomi negara akan berkembang seperti yang dirancang dan berpotensi mencapai tahap pemulihan sepenuhnya.

-- BERNAMA

MAM FAZ